

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 17.05.2016**

**SOALAN : 111**

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang dilaporkan menjual tanah awam dengan harga rendah sehingga kerugian RM15.2 juta. Mengapakah urusan tanah ini dibenarkan kerana menyalahi urus tadbir korporat baik.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Isu yang dibangkitkan masih lagi dalam tindakan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Namun butiran siasatan tidak dapat didedahkan sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia SPRM 2009.

Sekian, terima kasih.